

# RUMAH TERBUKA AIDILFITRI 2011

Open House ' atau Rumah Terbuka begitu sinonim dengan konsep masyarakat pelbagai kaum di Malaysia malah ianya menjadi satu budaya yang mengeratkan hubungan pelbagai bangsa di Malaysia. UMS tidak ketinggalan menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri yang di adakan pada 28 September 2011 bertempat di Pusat Akademik UMS. Sekolah Perniagaan & Enonomi turut tidak ketinggalan menyediakan juadah istimewa pada majlis tersebut dengan menyajikan Nasi Ayam Penyet Istimewa. Sambutan terhadap gerai yang menyediakan masakan istimewa Indonesia sungguh di luar jangkaan lantaran makanan yang disajikan menjadi pilihan pengunjung yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar UMS termasuk pelajar antarabangsa yang nyata tertarik dengan konsep Rumah Terbuka seumpama ini. Tetamu istimewa TYT Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Hj. Juhar Hj. Mahiruddin & isteri turut berkenan berkunjung ke gerai SPE.

